

KENYATAAN MEDIA

20 MAC 2019

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

Pengguna Kawasan Serdang dan Seri Kembangan Yang Mengalami Gangguan Bekalan Elektrik Melebihi 4 Jam Layak Mendapat Rebat

Putrajaya, 20 Mac – Merujuk kepada gangguan bekalan elektrik yang berlaku di kawasan Serdang dan Seri Kembangan pada 18 Mac 2019 jam 3.56 petang, pengguna yang mengalami gangguan bekalan elektrik melebihi 4 jam layak untuk mendapat rebat ke atas bil elektrik bulan tersebut.

Ini kerana Tenaga Nasional Berhad (TNB) perlu mematuhi *Guaranteed Service Level* (GSL) di bawah Standard Prestasi Perkhidmatan Bekalan Elektrik TNB yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST). Bagi insiden ini, ST mendapati bahawa TNB tidak mematuhi GSL 2 dalam standard tersebut yang menghendaki supaya TNB memulihkan bekalan bagi voltan sederhana yang mempunyai sistem sua-balik (*feedback*) dalam tempoh tidak lebih daripada 4 jam.

Daripada 28,000 pengguna yang mengalami gangguan bekalan tersebut, dianggarkan 20,700 pengguna yang mengalami tempoh gangguan bekalan melebihi 4 jam. Oleh itu, pengguna-pengguna ini layak menerima rebat seperti berikut:

- 1% daripada bil bulanan atau minimum RM10, yang mana lebih tinggi bagi pengguna domestik;
- 1% daripada bil bulanan atau maksimum RM300, bagi pengguna komersil; dan
- 0.5% daripada bil bulanan atau maksimum RM1000, bagi pengguna industri.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST telah mengarahkan TNB untuk memudahcara dengan membuat bayaran rebat secara automatik ke dalam bil pengguna yang terlibat.

Berhubung punca kejadian, siasatan awal oleh ST mendapati kejadian gangguan bekalan elektrik tersebut adalah disebabkan oleh *flashover* di panel *Gas Insulated Switchgear* (GIS) Pencawang Masuk Utama (PMU) Serdang Raya. Dalam masa yang sama, ST masih meneruskan siasatan ke atas kejadian ini selaras dengan kehendak di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan Peraturan-peraturan Elektrik 1994.

Untuk maklumat lanjut mengenai Standard Prestasi Perkhidmatan Bekalan Elektrik TNB, pengguna boleh melayari laman sesawang ST di capaian www.st.gov.my.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Komunikasi Korporat

Tel: 03 8870 8500/03 8870 8554/03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitisuhaila@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.